

23 APR 1997

PARLIMEN: 98 PENDATANG TANPA IZIN MATI DI DEPOT TAHANAN

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Seramai 98 orang pendatang tanpa izin mati di depot-depot tahanan Jabatan Imigresen di seluruh negara sejak pusat tahanan itu dibuka sehingga 31 Mac lepas, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata kematian pendatang itu berpunca daripada pelbagai jenis penyakit seperti beri-beri, jangkitan, Aids, jantung, kecemasan surgery, kemalangan, kegagalan ginjal, sakit perut, sesak nafas dan barah.

Dalam jawapan bertulis kepada Lim Kit Siang (DAP-Tanjong) pada persidangan Dewan Rakyat, di sini, beliau berkata, 43 daripada 98 kematian itu dilaporkan di Depot Tahanan Imigresen di Semenyih, Selangor, 15 di Pekan Nenas, Johor dan lapan di Lenggeng, Negeri Sembilan.

Katanya, depot-depot tahanan di Juru (Pulau Pinang), Langkap (Perak), Macap Umboo (Melaka) dan Kemayan (Pahang) masing-masing melaporkan tujuh kematian.

Selain itu, depot tahanan Kelapa Sawit (Johor) melaporkan dua kematian manakala masing-masing satu di Tanah Merah (Kelantan) dan Sandakan (Sabah), katanya.

Dr Mahathir berkata, 45 kematian melibatkan pendatang tanpa izin dari Indonesia, 40 dari Bangladesh, enam dari Myanmar, lima dari India manakala masing-masing satu dari Pakistan dan Nepal.

-- BERNAMA.

AH AHH